

UPM fokus Terokai Idea Kreatif dalam Hala Tuju Pendidikan Tinggi

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



SERDANG, 28 November – Universiti Putra Malaysia (UPM) anjur Forum Hala Tuju Pendidikan Tinggi sempena Festival Idea Putrajaya 2024 (FOI) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) membincangkan hala tuju masa depan pendidikan tinggi serta menerokai idea kreatif semalam.

Forum Sidang Selari 2 yang bertajuk '*Future Higher Education Roadmap*'

dengan tujuan mencari pendekatan baru dan inovatif dalam pendidikan tinggi bagi memastikan ia relevan dengan perkembangan semasa.



Mantan Menteri Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dato' Seri Idris Jusoh berkata, kita perlu menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti lebih tinggi dan sudah tentu pendidikan tinggi di Malaysia perlu beradaptasi dengan cabaran global yang semakin kompleks.

"Pendidikan tinggi di Malaysia perlu membina impian serta menjadi yang terbaik dalam mengekalkan kedudukan dengan memberikan kebolehcapaian kepada semua kerana ia bukan sahaja tentang bilangan pelajar yang masuk ke universiti, tetapi lebih kepada kualiti pendidikan yang disediakan.

"Saya ingin menjadikannya sebagai Misi 2020, dimana 20 tahun dari sekarang, kita perlu berada dalam kedudukan 'Top 20' supaya dapat melihat perubahan serta perkembangan semasa," katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Dato' Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, melalui pelan tindakan, UPM sebenarnya memainkan peranan penting dalam

menganjurkan, pemudahcara serta penulisan yang baik kerana hampir 50 penulis dari universiti yang membantu dalam usaha ini.

“Salah satu penghasilan terbesar yang saya harapkan daripada ‘*blueprint*’ baharu ini adalah penghormatan terhadap pendidikan tinggi perlu dikembalikan, kerana pendidikan berkualiti mampu membentuk masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing.

“Pada akhirnya, saya tahu bahawa kita perlu berpegang kepada visi untuk menghasilkan pemimpin masa depan yang bukan sahaja bijak, tetapi juga mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam dunia pendidikan dan industri,” katanya.

Turut hadir, Pengerusi IOI Group, Tan Sri Peter Chin Fah Kui, Provost Sunway University, Prof. Dr. Abhimanyu Veerakumarasivam dan Timbalan Pengerusi (Wilayah Asia), Majlis Perundingan Wanita, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Dato’ Sri Dr. Zaleha Kamarudin.



Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita
Artikel
Video
Keratan Akhbar
Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings
Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia